

LAMPIRAN B



JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUT HARGA : JMNPP/SH/1/2023

Tawaran adalah dipelawa kepada kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang berkaitan:

221613 - Perkhidmatan – Percetakan (Dikhas kepada Syarikat 100% Bumiputera) – Menjilid Kulit Lembut

221615 - Perkhidmatan – Percetakan (Dikhas kepada Syarikat 100% Bumiputera) – Rekabentuk Percetakan (Printing Design)

serta masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:

Sebut Harga Penerbitan Takwim Hijri Dan Jadual Waktu Solat Negeri Pulau Pinang 1445H

2. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **31 Mac 2023 (Jumaat)**.

3. Dokumen Sebut harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum @ pada 10 April 2023 (Isnin) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Paras 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

4. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda

atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

5. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh 90 hari dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <https://mufti.penang.gov.my/>

SS Mufti Kerajaan Negeri
Jabatan Mufti
Negeri Pulau Pinang